

**FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN**

ASPIRASI

EDISI 2, 2025

ISSN : 2735-0525

**GREEN IS THE NEW "GOLD":
PELABURAN ESG DALAM DUNIA
YANG SEMAKIN PANAS**

**SYED NORHAIMI SYED ZIN:
Mengubah Persepsi
Pertanian Malaysia**

**TRANSFORMASI PEMBELAJARAN
DALAM ERA DIGITAL**

**Generasi Z:
Merentas Evolusi
Pembelajaran dan Dunia
Pekerjaan**



PENULIS TAMU

ASPIRASI EDISI 2, 2025

Scam Pelaburan: Kenapa Masih Ramai Menjadi Mangsa?

**NOOR AZILLAH
MOHAMAD ALI**

Penipuan pelaburan di Malaysia telah berkembang pada kadar yang membimbangkan, bukan sahaja disebabkan kes yang dilaporkan secara berterusan tetapi juga peningkatan yang ketara dalam kerugian kewangan. Antara Januari hingga Julai 2025, 8655 individu telah ditipu, menanggung kerugian RM875 juta. Tren ini menandakan peningkatan pada tahun ini berbanding tahun-tahun sebelumnya. Di anggarkan lonjakan antara 60-70% dalam jumlah kes dan kerugian kewangan. Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Rusdi Mohd Isa mengatakan kenaikan hampir 61 peratus dari jumlah kes dan lebih 114 peratus bagi nilai kerugian dengan tiga modus operandi utama yang dikesan menjadi penyumbang kepada peningkatan mendadak jenayah pelaburan ini.

Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan pelbagai agensi kerajaan giat melaksanakan pelbagai kempen kesedaran serta mengeluarkan senarai amaran kepada semua tentang aktiviti penipuan pelaburan yang kerap berlaku di Malaysia. Segala usaha yang dilaksanakan ini masih tidak berjaya untuk memberikan kesedaran mahupun penglibatan kepada Masyarakat. Ini terbukti dengan kadar peratusan mangsa scam pelaburan masih meningkat saban tahun. Kempen yang dibuat tidak menepati sasarannya. Itu menjadi persoalan banyak pihak? Kenapa masih ramai yang terjebak? Tidakkah mereka membaca kisah-kisah yang terpampang di dada akhbar tentang insan-insan yang tertipu dek scam pelaburan ini. Apakah yang bermain di benak fikiran mereka-mereka ini apabila berdepan dengan sindiket scam pelaburan ini.



Banyak faktor yang menjadi asas kepada terjerumusnya mangsa dengan scam pelaburan ini. Kita akan melihat daripada beberapa perspektif yang menjelaskan fenomena ini masih berlaku walaupun telah banyak usaha dilaksanakan bagi mengekang daripada ramai mangsa yang membuta tuli dalam melakukan pelaburan. Kita boleh bahagikan faktor mengapa scam pelaburan masih berlaku kepada beberapa bahagian iaitu atas kelemahan manusia itu sendiri, modus operandi yang semakin canggih dan tentang isu penguatkuasaan serta cabaran antarabangsa. Pertama kita lihat dari **aspek kelemahan manusia itu sendiri**.

i) Tarikan pulangan tinggi dan keinginan untuk cepat kaya.

Mangsa yang terpedaya kerana dijanjikan dengan pulangan yang tinggi dalam masa yang singkat. Fitrah manusia yang mudah tertarik kepada keuntungan yang segera tanpa ada usaha yang banyak. Selalunya pelaburan dijanjikan dengan pulangan tetap antara 10 peratus hingga 20 peratus tanpa sebarang risiko. Ini adalah satu penipuan yang jelas di mana nilai yang dijanjikan itu adalah tidak munasabah dalam dunia pelaburan yang sebenar. Perlu diingatkan bahawa setiap pelaburan adalah kadar risiko yang akan dihadapi seiringan dengan keuntungan. Tiada pelaburan tanpa risiko. Tahap tamak dalam diri seorang dan perasaan ingin cepat kaya dengan kadar segera menjadi pencetus kepada mangsa untuk menjadi penyumbang kepada scam pelaburan. Amaran telah diuar-uarkan di banyak platform tetapi tidak diendahkan disebabkan "takut terlepas peluang" atau fear of missing out (FOMO) telah menjadikan seseorang itu sanggup mengambil risiko tanpa melaksanakan semakan lanjut. Apabila perasaan ingin kaya cepat melebihi tindakan logik maka terjebaklah insan ini dalam jerat scam pelaburan.



ii) Kurangnya literasi kewangan dalam kalangan rakyat.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM) literasi kewangan adalah keupayaan individu untuk memahami konsep dan produk kewangan, di mana seseorang itu perlu membuat keputusan yang tepat tentang kewangan, simpanan dan juga pelaburan. Ramai yang masih tidak faham akan proses pelaburan yang sah berfungsi, apakah wujud risiko dalam pelaburan dan apakah tanda-tanda skim penipuan pelaburan. Sebagai contohnya, mereka perlu tahu di mana pelaburan yang sah dilakukan di Malaysia perlulah mestilah berdaftar di Suruhanjaya Sekuriti ataupun dibawah seliaan Bank Negara Malaysia. Jika perkara asas pun tidak ketahui maka dengan mudah scam pelaburan memanipulasi maklumat kepada pemangsa. Dengan menggunakan terma-terma teknikal atau menggunakan web yang canggih sehingga menutupp minda individu dalam menilai mana yang benar dan mana yang batil.

iii) Tekanan ekonomi dan kos sara hidup

Faktor ekonomi juga faktor yang penting dalam isu ini. Dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan pendapatan yang tidak seimbang dengan perbelanjaan harian, memungkinan rakyat akan berusaha mencari alternatif untuk menambahkan pendapatan. Pihak scammer akan mengeksploitasikan keadaan kini dengan membangunkan skim pelaburan mereka sebagai satu cara yang mudah untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Dengan penerangan janji-janji palsu sehingga individu termakan sehingga terjerat dan impliksinya adalah dengan kerugian yang besar. Impian jalan pintas yang mereka rasakan itu sehingga percaya bulat-bulat dengan maklumat yang mereka perolehi daripada pihak scammer.

Aspek kedua yang membawa kepada masih ramai yang masih terpedaya adalah kerana **modus operandi yang semakin canggih**. Cara bagaimana scammer ini memperdayakan mangsa sentiasa berubah sehingga tidak dapat dikesan. Modus operandi mereka sentiasa dimodifikasikan seiring dengan peredaran masa. Mereka kini lebih sofistikated, menggunakan teknologi dan strategi komunikasi yang meyakinkan. Pihak scammer akan menyediakan web yang menyerupai platform pelaburan yang sebenar sehingga mangsa akan terpedaya. Dalam masa yang sama juga, testimoni palsu juga disertakan bagi menambahkan lagi keyakinan bakal pelabur. Pihak scammer menyediakan manual yang lengkap cara berkomunikasi yang berkesan, mana mungkin individu merasa sangsi dengan skim pelaburan yang diperkenalkan. Penggunaan media sosial dan aplikasi pesanan segera bagi meyasarkan mangsa secara peribadi. Dengan kombinasi kemahiran psikologi dan teknologi mampu mewujudkan suasana bahawa pelaburan itu adalah sah dan berdaftar. Tambahan dengan bantuan kecerdasan buatan (AI) yang menjadi perhatian sejak kebelakangan ini menambahkan kaedah penipuan terkini daripada pihak scammer. Teknologi deepfake dengan meniru suara mahupun gambar tokoh terkenal dalam modus operandi mereka.



Manakala aspek ketiga adalah berkenaan **penguatkuasaan dan cabaran antarabangsa**. Banyak scammer beroperasi dari luar negara. Dimana pusat panggilan haram yang wujud bukan sahaja di Malaysia malahan di luar negara. Telah banyak tangkapan dilakukan oleh pihak berkuasa tetapi ada lagi mangsa yang tertipu. Jika pusat panggilan berada di Malaysia berkemungkinan besar pihak berkuasa mampu mendedahkan sindiket tersebut seperti dalam kes tangkapan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) di mana serbuan telah dilakukan di Kuala Lumpur pada 1 Julai. Melalui sidang media yang dilaksanakan siasatan dilakukan selama 3 bulan sebelum tangkapan dibuat. Jika pusat panggilan scammer berada di luar negara, amatlah sukar untuk melakukan tangkapan kerana jika melibatkan pusat panggilan luar negara kerana sedia maklum proses undang-undang dan keperluan bekerjasama dengan pihak penguatkuasaan antarabangsa akan mengambil masa yang agak lama. Jadi apa yang boleh dilakukan di Malaysia hanya untuk memantapkan lagi kaedah program kesedaran dan penguatkuasaan yang terkini Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dikenali sebagai Jangan Kena Scam!. Tambahan pula dengan tertubuhnya Pusat Respons Scam Kebangsaan ialah sebuah pusat kawalan khas di bawah seliaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mana penubuhan oleh kerajaan Malaysia bagi menangani penipuan kewangan dalam talian secara pantas dan bersepadu. Sesungguhnya bermacam cara dan kaedah akan terus dilaksanakan bagi mengekang kes lebih berleluasa. Cuma persoalannya banyak platform telah disediakan oleh pihak berkuasa tetapi masih ramai tidak membuat semakan untuk mencari kepastian tentang skim pelaburan yang dinyatakan.

Secara dasarnya pihak kerajaan melaksanakan pelbagai program dan juga kaedah yang terbaik bagi mengekang penambahan kes scam pelaburan ini. Cuma keberkesannya agak terbatas kerana faktor kelemahan manusia itu sendiri (faktor psikologi), perubahan teknologi yang scammer yang sentiasa terkini dan isu cabaran rentas sempadan. Bagi memastikan tidak akan bertambah lagi peratusan mangsa scam pelaburan ini, dicadangkan beberapa strategi baru perlu dilaksanakan seperti mengadaptasikan Kercedasaan Buatan (AI) dan automasi dalam menangani kes scam berleluasa. Kewangan teknologi (Fintech) dan Infrastruktur Kewangan perlu dimantapkan lagi dengan memperketatkan beberapa aspek yang mungkin masih ada perkara yang terlepas pandang. Kita berharap dengan gabungan pengetahuan yang telah disalurkan oleh semua pihak di Malaysia dan kerjasama mantap dari semua lapisan masyarakat, kita mampu mengurangkan risiko rakyat terus menjadi mangsa penipuan yang merugikan semua pihak yang terlibat.

Rujukan

<https://www.bnm.gov.my/financial-fraud-alerts>
<https://fenetwork.my>
<https://www.komunikasi.gov.my>
<https://nfcc.jpm.gov.my/index.php/ms/nsrc>
<https://www.buletintv3.my/jenayah/penipuan-pelaburan-tak-wujud-melonjak-60-peratus-lebih-rm750-juta-lesap>
<https://www.kosmo.com.my/2025/02/20/sindiket-scammers-tumpas-46-warga-asing-pelbagai-negara-ditahan>
<https://www.astroawani.com/video/awani-745-x7kldw/jenayah-penipuan-pelaburan-setakat-2-februari-2025-x9douj8>



Puan Noor Azillah Binti Mohamad Ali adalah merupakan Pensyarah Kanan di dalam bidang Kewangan, dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam. Beliau juga merupakan ahli kumpulan Special Interest Group (SIG) - EMLD (Entrepreneurial Management and Leadership Development). Pengalaman beliau yang meluas hampir 20 tahun di dalam bidang pendidikan Kewangan (Literasi dan Pengurusan) telah menyumbang kepada penghasilan buku dan kertas kerja yang telah diterbitkan di pelbagai peringkat nasional dan antarabangsa.

